

**PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KOMPETENSI PENSIJILAN
MODULAR (PKPM) DI SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL**

MARINA BINTI IBRAHIM MUKHTAR

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2016

PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah syukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya meneruskan perjalanan meneroka sedikit ilmu-Nya dengan kesihatan mental dan fizikal yang sempurna.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya yang tidak pernah jemu membimbing, menyokong, menegur dan memberi semangat tanpa had masa dan ketika sehingga selesai tesis ini. Limpahan ilmu, daripada Dr. Jamil Bin Ahmad amat dihargai tiada tandingnya. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada pembaca, Prof. Dr. Ruhizan Mohammad Yasin dan Prof. Madya Dr. Yahya Buntat yang sudi meluangkan masa membaca dan memberi bimbingan yang sangat berguna terhadap penulisan tesis ini.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada pihak Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia atas tajaan Hadiah Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI), pengurusan Fakulti Pendidikan UKM, Lembaga Peperiksaan Malaysia atas maklumat yang disalurkan dan responden yang terlibat dalam memberikan kerjasama.

Kepada ibu Nooraini Binti Radzi dan Azimah Binti Maulud, terima kasih atas doa yang dipanjatkan. Akhir sekali ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada suami tercinta Mohd Norbi Bin Baharin yang merestui perjalanan menuntut ilmu ini dengan penuh kasih sayang, sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bahagi pada setiap saat saya memerlukannya. Untuk anak-anak tersayang Muhammad Aqil Naufal dan Nur Amni Madihah, kalian adalah pembakar semangat, penggerak yang memberi hembusan semangat yang tidak pernah padam untuk meneruskan perjuangan ini. Sokongan padu rakan seperjuangan dan adik-beradik yang sentiasa mengambil berat dan sudi mendengar keluh kesah sepanjang menyiapkan tesis ini. hadiah ini sangat bermakna dari ALLAH untuk saya. Alhamdulillah dengan izin-Nya yang Haq, perjuangan ini sampai ke noktah kejayaan bernama Ijazah Doktor Falsafah. Terima kasih atas segala-galanya.

ABSTRAK

Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular (PKPM) telah diperkenalkan dalam mata pelajaran aliran vokasional (MPAV) di sekolah Menengah Vokasional (SMV) berikutan reformasi dalam pentaksiran yang menekankan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Melihat kepada perkembangan ini, penilaian terhadap pelaksanaan PKPM wajar dinilai berikutan perubahan pentaksiran yang terlalu berorientasikan peperiksaan kepada PBS. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan PKPM yang telah dijalankan di SMV. Penilaian dalam kajian ini menggunakan model penilaian program Pusat Kajian Penilaian, Universiti of California Los Angeles (UCLA), di mana penilaian akan tertumpu kepada empat komponen dalam model UCLA yang merangkumi komponen persekitaran, perancangan, implementasi dan pengiktirafan. Bilangan responden kajian terdiri daripada 554 orang guru vokasional yang terlibat dalam pelaksanaan PKPM di 20 buah SMV di Semenanjung Malaysia. Kaedah pemilihan sampel kajian adalah secara persampelan rawak berstrata. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Manakala, kaedah temubual telah dijalankan setelah menganalisis data kuantitatif untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci berkaitan fenomena sebenar yang dikaji. Seramai 6 orang guru vokasional ditemubual secara bersemuka dan 30 orang pelajar ditemubual secara kumpulan fokus. Penganalisisan data menjurus kepada penghuraian secara deskriptif dan inferensi bagi menjawab semua persoalan kajian. Data kuantitatif telah dianalisis menggunakan *Statistical Package For Sosial Science* (SPSS) versi 20.0. Manakala data kualitatif disusun menggunakan perisian ATLAS ti. Dapatan kajian ini menunjukkan pelaksanaan PKPM secara keseluruhannya adalah baik (tinggi). Walaupun begitu terdapat beberapa aspek yang perlu diteliti untuk penambahbaikan terutama dalam aspek peralatan, latihan dan kursus, dan sistem pemantauan daripada pihak bertanggungjawab. Analisis multivariate satu hala (MANOVA) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dimensi-dimensi dalam komponen perancangan iaitu (pengetahuan, kemahiran dan sikap guru) berdasarkan kehadiran guru dalam latihan yang berkaitan dengan pelaksanaan PKPM. Dapatan analisis regresi berganda menunjukkan pengaruh dimensi sikap guru, kemudahan infrastruktur dan pengetahuan guru dalam komponen perancangan merupakan varian yang signifikan yang menjadi peramal terhadap penilaian komponen implementasi. Manakala, pengaruh dimensi dalam komponen implementasi iaitu (proses pentaksiran, proses penskoran dan penyimpanan eviden) merupakan varian yang signifikan yang menjadi peramal terhadap penilaian komponen pengiktirafan. Usaha penambahbaikan yang berterusan perlu diberi perhatian dan dilakukan dari masa ke semasa terutamanya dalam transformasi Kolej Vokasional. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pelaksanaan pentaksiran khususnya dalam bidang pendidikan vokasional.

EVALUATION OF COMPETENCE ASSESSMENT AND CERTIFICATION MODULAR IMPLEMENTATION IN VOCATIONAL SCHOOL

ABSTRACT

The Implementation of Competency Assessment and Certification Modular (PKPM) has been introduced in vocational based subjects (MPAV) at vocational schools (SMV) following reformed version in the assessment that emphasizes school-based assessment (PBS). Looking for this reformation, PKPM should be evaluate following the changes of assessment from examination-oriented to school based assessment (PBS). Hence, the purpose of this study was to evaluate the implementation of PKPM which was carried out in schools. Evaluation in this study was using evaluation program model from the Centre for the study of evaluation, University of California Los Angeles (UCLA), which the evaluation will focus on four components of the UCLA model which is include needs assessment component, planning, implementation and certification component. The respondent consisted of 554 vocational teachers involved in PKPM at 20 vocational schools in Peninsular Malaysia. Sample in this study were chosen by stratified random sampling technique. Data was collected using questionnaire as the main instrument. Meanwhile, interview was conducted after analysing quantitative data to explain actual phenomena being studied. A total of 6 vocational teachers were interviewed and 30 students were interviewed in focus groups. Data were analysed using descriptive and inferential statistics to answer all the research questions. Quantitative data were analysed using the Statistical Package For Social Science (SPSS) version 20.0. While, qualitative data is compiled using ATLAS ti. Results show the overall performance of PKPM is good (high). However, there were several aspects that need to be concerned for improvement , especially in terms of equipment, training courses and monitoring system from responsible party. The one-way multivariate analysis of variance (MANOVA) showed there were significant differences in the dimensions of the planning component (knowledge, skill, and teachers attitude) by the presence of teachers in training related to the assessment. Multiple regression analysis shows the influence of the dimension (teachers' attitude, infrastructure and knowledge) in the planning component are the significant variance predictor towards implementation component. Whereas, the influence of the dimensions (assessment process, scoring & evidence collection) in the implementation component are the significant predictor towards certification component. Attention should be given in order to continuous improvement in future, especially in the transformation of the Vocational College. The findings of this study it is hoped could serve as a guideline for the implementation of assessment, particularly in vocational education.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
	1.2.1 Pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular	9
	1.2.2 Transformasi Kolej Vokasional	15
1.3	Pernyataan Masalah	18
1.4	Kerangka Konseptual	20
1.5	Tujuan Kajian	25
1.6	Objektif Kajian	25
1.7	Soalan Kajian	26
1.8	Hipotesis Kajian	28
1.9	Kepentingan Kajian	29
1.10	Batasan Kajian	30
1.11	Definisi Istilah dan Operasional	30
	1.11.1 Penilaian	31
	1.11.2 Pentaksiran	31
	1.11.3 Kompetensi	31
	1.11.4 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	32
	1.11.5 Pelaksanaan pentaksiran	32
	1.11.6 Pentaksiran kompetensi	32
	1.11.7 Pensijilan Modular	33
	1.11.8 Penilaian Komponen Persekitaran	33
	1.11.9 Penilaian Komponen Perancangan	33
	1.11.10 Penilaian Komponen Implementasi	33
	1.11.11 Penilaian Komponen Pengiktirafan	34

1.12	Rumusan	34
BAB II	ULASAN KEPUSTAKAAN	
2.1	Pengenalan	35
2.2	Definisi dan Konsep Penilaian Program	35
2.3	Teori Penilaian	39
	2.3.1 Kaedah (<i>Methods</i>)	40
	2.3.2 Guna (<i>Use</i>)	41
	2.3.2 Nilai (<i>Valuing</i>)	46
2.4	Perbandingan Model Penilaian	48
2.5	Model Penilaian Yang Dipilih	50
	2.5.1 Persekitaran (<i>Needs Assessment</i>)	50
	2.5.2 Perancangan (<i>Planning</i>)	51
	2.5.3 Perlaksanaan (<i>Implementation</i>)	52
	2.5.4 Pengiktirafan (<i>Certification</i>)	53
2.6	Pendidikan dan Latihan Berasaskan Kompetensi (PLBK)	57
	2.6.1 Definisi dan konsep kompetensi	58
	2.6.2 Asas pentaksiran kompetensi	62
	2.6.3 Model PLBK	68
	2.6.4 Pentaksiran kompetensi di peringkat antarabangsa	75
2.7	Perkembangan Pendidikan Teknik & Vokasional di Malaysia	77
2.8	Pelaksanaan CBTA di SMV di Malaysia	82
	2.8.1 Pelaksanaan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV)	83
	2.8.2 Pelaksanaan KSKV di Kolej Vokasional (KV)	88
	2.8.3 Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau Kolej (PBS)	89
2.9	Penilaian Komponen Persekitaran	92
2.10	Penilaian Komponen Perancangan	95
	2.10.1 Aspek pengetahuan	96
	2.10.2 Aspek kemahiran	99
	2.10.3 Sikap guru	100
	2.10.4 Latihan guru	102
	2.10.5 Kemudahan	105
2.11	Penilaian Komponen Implementasi	106
	2.11.1 Proses Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular	106
	2.11.2 Pengenalpastian dan pengumpulan eviden	113
	2.11.3 Penskoran, penggredan dan pensijilan	118
2.12	Penilaian Komponen Pengiktirafan	123
	2.12.1 Prinsip pentaksiran	123
	2.12.2 Ciri – ciri pentaksiran	126

	2.12.3 Masalah yang dihadapi	129
2.13	Rumusan	133
BAB III METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	134
3.2	Reka Bentuk Kajian	134
	3.2.1 Kaedah kajian	135
	3.2.1.1 Fasa pertama	136
	3.2.1.2 Fasa kedua	136
3.3	Lokasi Kajian	138
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	139
3.5	Instrumen Kajian	142
	3.5.1 Soal selidik	142
	3.5.2 Protokol temu bual	145
3.6	Kajian Rintis	146
3.7	Kesahan Instrumen Kajian	147
	3.7.1 Analisis faktor penerokaan	148
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	152
3.9	Pengumpulan Data	159
	3.9.1 Soal selidik	160
	3.9.2 Temu bual	160
3.10	Prosedur Penganalisan Data	161
	3.10.1 Data soal Selidik	161
	3.10.2 Soalan terbuka	163
	3.10.3 Data temu bual	164
3.11	Rumusan	164
BAB IV DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	165
4.2	Profil Responden	166
4.3	Dapatan Deskriptif	168
	4.3.1 Penilaian Komponen Persekitaran	168
	4.3.2 Penilaian Komponen Perancangan	170
	4.3.3 Penilaian Komponen Implementasi	178
	4.3.4 Penilaian Komponen Pengiktirafan	185

4.4	Pengujian Hipotesis	194
	4.4.1 Soalan kajian 13	194
	4.4.2 Soalan kajian 14	196
	4.4.3 Soalan kajian 15	197
	4.4.4 Soalan kajian 16	200
4.5	Rumusan	203
BAB V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	204
5.2	Ringkasan Kajian	205
5.3	Perbincangan Kajian	207
	5.3.1 Kesesuaian PKPM dengan matlamat pendidikan	207
	5.3.2 Kesiediaan sumber manusia & sumber bukan manusia dalam pelaksanaan PKPM	208
	5.3.3 Proses pelaksanaan PKPM	215
	5.3.4 Keberhasilan pelaksanaan PKPM memenuhi prinsip pentaksiran dan hasil kepada pelajar dan matlamat	221
	5.3.5 Perbezaan dari segi tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru yang meghadiri kursus	225
	5.3.6 Pemboleh ubah yang menyumbang kepada komponen PKPM	226
	5.3.7 Kekangan dalam pelaksanaan PKPM di SMV	228
5.4	Kesimpulan	230
5.5	Sumbangan dan Implikasi Dapatan Kajian	232
5.6	Cadangan Pelaksanaan	234
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	237
5.8	Penutup	239
	RUJUKAN	240
	LAMPIRAN	
Lampiran A	Enrolmen Pelajar Bidang Vokasional	261
Lampiran B	Skemata Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular (PKPM)	262
Lampiran C	Contoh Sijil Modular	264
Lampiran D	Senarai SMV/Teknik	266
Lampiran E	Jadual Spesifikasi Instrumen (JSI)	267
Lampiran F	Borang Soal Selidik	271
Lampiran G	Protokol Temu bual Guru	284

Lampiran H	Protokol Temu bual Pelajar	286
Lampiran I	Pengesahan Pakar	287
Lampiran J	Data Analisis Faktor Penerokaan	299
Lampiran K	Surat Kebenaran EPRD	309
Lampiran L	Surat Kebenaran BPTV	310
Lampiran M	Surat Kelulusan JPN	312
Lampiran N	Folio Pelajar	313
Lampiran O	Nilai Mahal Distance	318

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 1.1	Perbezaan antara Pentaksiran Tradisional dengan PKPM	10
Jadual 1.2	Transformasi Pendidikan VOCTECH	17
Jadual 2.2	Model Penilaian Mengikut Tujuan Penilaian	49
Jadual 2.3	Perbezaan Pendidikan Kompetensi & Pendidikan Tradisional	70
Jadual 2.4	Bentuk Peratus Keperluan Dalam Pentaksiran KV	82
Jadual 2.5	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan	93
Jadual 2.6	Contoh Penyataan Kriteria	121
Jadual 3.1	Taburan Populasi Kajian (Guru)	140
Jadual 3.2	Inventori Soal Selidik Kajian	142
Jadual 3.3	Pembahagian item instrumen mengikut Komponen	144
Jadual 3.4	Taburan Item selepas Pengesahan Pakar.	148
Jadual 3.5	Nilai Kaiser-Mayer-Olkin.	149
Jadual 3.6	Taburan Item Mengikut Dimensi Selepas EFA	151
Jadual 3.7	Nilai Alpha Cronbach's (Komponen Persekitaran)	153
Jadual 3.8	Nilai Alpha Cronbach's (Komponen Perancangan)	154
Jadual 3.9	Nilai Alpha Cronbach's (Komponen Implementasi)	156
Jadual 3.10	Nilai Alpha Cronbach's (Komponen Pengiktirafan)	158
Jadual 3.11	Interpretasi Skor Min	162
Jadual 3.12	Interpretasi Korelasi	163
Jadual 4.1	Profil Responden Soal Selidik (Guru Vokasional)	167
Jadual 4.2	Profil Peserta Kajian bagi Temu bual	168
Jadual 4.3	Skor min dan sisihan piawai dimensi Matlamat Pendidikan	169
Jadual 4.4	Skor min dan sisihan piawai dimensi Pengetahuan Guru.	170
Jadual 4.5	Skor min dan sisihan piawai dimensi Kemahiran Guru.	171
Jadual 4.6	Skor min dan sisihan piawai dimensi Sikap Guru.	172
Jadual 4.7	Skor min dan sisihan piawai dimensi Latihan Guru.	173
Jadual 4.8	Skor min dan sisihan piawai dimensi Kemudahan Infrastruktur.	175
Jadual 4.9	Skor min dan sisihan piawai dimensi Pra Pentaksiran.	179
Jadual 4.10	Skor min dan sisihan piawai dimensi Proses Pentaksiran.	181

Jadual 4.11	Skor min dan sisihan piawai dimensi Penskoran & Evidens	185
Jadual 4.12	Skor min dan sisihan piawai dimensi Kesahan.	187
Jadual 4.13	Skor min dan sisihan piawai dimensi Kebolehpercayaan.	187
Jadual 4.14	Skor min dan sisihan piawai dimensi Kebolehlaksanaan.	189
Jadual 4.15	Skor min dan sisihan piawai dimensi Hasil Kepada Pelajar.	190
Jadual 4.16	Skor min dan sisihan piawai dimensi Hasil Kepada Matlamat.	193
Jadual 4.17	Nilai Wilks' Lambda	195
Jadual 4.18	MANOVA Perbezaan Penilaian Perancangan dengan Kursus	195
Jadual 4.19	Dapatan Ujian Levene	197
Jadual 4.20	Ujian ANOVA satu hala perbezaan tahap kemudahan infrastruktur	197
Jadual 4.21	Analisis Varian	198
Jadual 4.22	Regrasi Komponen Perancangan Komponen Implementasi	198
Jadual 4.23	Analisis Varian	201
Jadual 4.24	Regrasi Komponen Implementasi terhadap Komponen Pengiktirafan	201

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Keperluan Pekerja Mahir & Separa Mahir yang di perlukan oleh industri	7
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Kajian	24
Rajah 2.1	Pohon Teori Penilaian	39
Rajah 2.2	Penilaian Sistem Pendidikan	55
Rajah 2.3	Integrasi Kompetensi Utama Dalam Pelaksanaan PBK	58
Rajah 2.4	Proses Pembelajaran Masteri	67
Rajah 2.5	Model Pencapaian serta Kebolehan Pelajar	72
Rajah 2.6	Model Pelaksanaan CBT di Ghanaian Polytechnics	73
Rajah 2.7	Elemen dan Penyataan Prestasi dalam Kerangka dan Model NVQ	74
Rajah 2.8	Perbandingan peratus kelulusan aliran vokasional 2007-2011	80
Rajah 2.9	Pensijilan Dan Pentauliahkan Kolej Vokasional	81
Rajah 2.10	Kerangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 -2010	93
Rajah 2.11	Perkaitan antara tiga komponen penting dalam proses P&P	107
Rajah 2.12	Proses Pentaksiran Pembelajaran Masteri	109
Rajah 2.13	Proses Pembelajaran Masteri	110
Rajah 2.14	Aliran Pergerakan Pentaksiran Modul	111
Rajah 2.15	Pentaksiran sebagai satu Proses	113
Rajah 2.16	Proses Pentaksiran, Pelaporan dan Kepentingan Eviden.	114
Rajah 2.17	Elemen Kompetensi / Kriteria Prestasi	120
Rajah 3.1	Kaedah Kajian	137
Rajah 3.2	Taburan Kursus yang Di tawarkan Di SMV	139

SENARAI SINGKATAN

BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
CBE	Competency Based Education
CSE	<i>Centre for the Study of Evaluation</i>
UCLA	<i>University of California Los Angeles</i>
JPTek	Jabatan Pendidikan Teknikal
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.
MPAV	Mata Pelajaran Aliran Vokasional
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
NOSS	National Occupational Skill Standard
PBK	Pendidikan Berasaskan Kompetensi
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PKPM	Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular
PKBS	Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah
PKSR	Penilaian Kendalian Sekolah Rendah
PKSM	Penilaian Kendalian Sekolah Menengah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SMT	Sekolah Menengah Teknik
KV	Kolej Vokasional
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
SPVM	Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SPSS	Statistical Package for Social Science
VET	Vocational Education Training

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sistem pendidikan yang semakin mencabar dan sedang melalui pelbagai cabaran bagi memenuhi kehendak masyarakat dan negara perlu bagi melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Malaysia adalah sebuah negara yang kian membangun ke arah negara industri seperti yang dihasratkan dalam wawasan 2020. Pencapaian matlamat ini banyak bergantung pada kejayaan kerajaan melaksanakan pelbagai dasar dan strategi serta keberkesanan program latihan terutamanya ke arah penyediaan pekerja berpengetahuan dan berkemahiran dalam alaf ini.

Selaras dengan perubahan dan keperluan tersebut, pentaksiran pencapaian pelajar perlu mengalami perubahan hasil daripada tuntutan pengetahuan dan kebolehan baru yang dihadapi oleh pelajar-pelajar. Dalam tuntutan ekonomi global, pelajar perlu memahami bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran asas tetapi juga berupaya berfikir secara kritis, membuat analisis serta membuat inferensi. Membantu pelajar membina kemahiran-kemahiran ini memerlukan perubahan dalam pentaksiran di peringkat sekolah dan bilik darjah, begitu juga dengan pendekatan baru ke atas pentaksiran peringkat nasional.

Pentaksiran dalam sistem pendidikan negara telah dilaksanakan sejak dari pemerintahan Kerajaan British sehingga kini. Pentaksiran di Malaysia adalah merupakan penilaian pencapaian pelajar yang diadakan dalam dua bentuk iaitu pentaksiran piawai melalui sistem peperiksaan awam atau Pentaksiran Berasaskan

Peperiksaan seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang norma nya ditentukan oleh agensi pusat seperti Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Hakikatnya, pentaksiran berasaskan peperiksaan ini lebih tertumpu kepada pencapaian dalam peperiksaan yang sering dijadikan sebagai pengukur utama dalam perkembangan kognitif pelajar, keupayaan mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi serta pencarian peluang kerjaya (Othman 2010; Saw 2010). Hal ini akan memberikan tekanan terhadap pelajar yang selama ini belajar semata-mata untuk mendapat gred yang baik dalam peperiksaan di peringkat pusat.

Dengan kata lain, Pentaksiran Berasaskan Peperiksaan berkecenderungan mengukur pencapaian kognitif pelajar tanpa mengira kepelbagaian tahap pencapaian dalam satu masa berbanding Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang mampu menilai peringkat perkembangan dan pencapaian pelbagai kebolehan, kemahiran serta nilai bagi individu pelajar secara berterusan. Kajian Othman (2010) dan Mundia (2010) mendapati Pentaksiran Berasaskan Peperiksaan menghadkan pengetahuan pelajar tentang bagaimana menyelesaikan sesuatu masalah sebaliknya guru dan pelajar lebih tertumpu kepada pencarian jawapan semata-mata. Kajian Hwa dan Lim (2008) juga menunjukkan bahawa Pentaksiran Berasaskan Peperiksaan ini memberi fokus yang sempit, menekankan hafalan dan menyekat kreativiti pengajaran guru di mana guru hanya mengajar untuk peperiksaan.

Sebagaimana juga dengan Pentaksiran Berasaskan Peperiksaan atau disebut peperiksaan piawai yang diamalkan di negara-negara lain (Kelly & Brandes 2008; Petropoulou et al. 2009), jenis pentaksiran ini bertujuan untuk mengukur pencapaian pelajar sebagai satu bentuk perbandingan yang setara antara individu, sekolah, daerah, negeri dan juga untuk meneliti pencapaian pelajar dari setahun ke setahun (Othman 2010). Pentaksiran piawai juga sering dikaitkan dengan kurikulum berasaskan ujian. Dengan erti kata lain, wujudnya sindrom ‘mengajar untuk peperiksaan’ yang menyebabkan pengajaran guru tertumpu kepada mengingat fakta untuk persediaan menghadapi peperiksaan. Menurut Saw (2010), Malaysia banyak mengamalkan

pentaksiran piawai dalam bentuk ujian bertulis, ujian lisan, kerja projek dan ujian praktikal.

Bentuk pentaksiran yang kedua ialah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang merangkumi bentuk-bentuk ujian yang disediakan oleh pihak-pihak tertentu seperti Lembaga Peperiksaan dan ujian buatan guru (Othman 2010). Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan pentaksiran alternatif kerana keupayaan pentaksiran ini untuk mengukur pencapaian pelajar bersesuaian dengan hasil pembelajaran sesuatu mata pelajaran berkenaan. Komponen pentaksiran nya dikendalikan di peringkat sekolah dan dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2008). Bentuk penilaian dalam pentaksiran ini boleh berbentuk ujian rujukan norma atau ujian rujukan kriteria bergantung kepada tujuan ujian dijalankan (Othman 2010).

Justeru, PBS mula diperkenalkan oleh LPM secara berperingkat mulai tahun 2008. Antara komponen PBS yang telah dilaksanakan di peringkat SPM adalah terdiri daripada Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) untuk Bahasa Melayu, Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) untuk Bahasa Arab, Kerja Kursus (Pendidikan Moral, Teknologi Kejuruteraan), Projek (Pengajian Kejuruteraan Awam, Lukisan Kejuruteraan), Penilaian Kerja Amali Sains (PEKA) untuk Sains, Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular (PKPM) untuk Mata pelajaran Vokasional, dan Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) (LPM 2009).

Pengumuman Timbalan Perdana Menteri bagi memansuhkan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2016 dan melaksanakan PBS mengukuhkan lagi perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam hasrat menggantikan peperiksaan awam (Zuhri 2010). Keputusan ini juga selari dengan pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia 2006) yang telah mencadangkan reformasi dalam pentaksiran di sekolah yang menekankan PBS. Fokus PIPP bagi Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) adalah menyediakan pentaksiran alternatif, mengkaji semula sistem peperiksaan dan memantapkan kualiti sistem pentaksiran secara keseluruhan. LPM

sedang menyusun semula kerangka dan format pentaksiran peringkat nasional dan merancang memantapkan aktiviti PBS.

PBS lebih bersifat holistik dengan cara mengubah penekanan peperiksaan awam daripada berasaskan kandungan kepada lebih berasaskan kemahiran atau daripada bersifat ujian pencapaian kepada ujian kebolehan am. Ia juga dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan tujuan agar aspek pengukuran pelajar lebih bersifat menyeluruh. Reformasi ini menekankan penilaian ke atas pencapaian pelajar dilaksanakan berasaskan gred mengikut kriteria dan standard berdasarkan mata pelajaran yang telah dikaji oleh guru pakar (KPM 2006; Queensland Studies Authority 2007). Dapatan kajian Mohd Johdi et al. (2009) telah menunjukkan kekuatan pentaksiran alternatif dalam amalan sistem pendidikan negara melalui PBS, di mana kerja kursus Sejarah yang merupakan pengubahsuaian daripada kajian sejarah tempatan yang diperkenalkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989, mula menampilkan kaedah pembelajaran di luar bilik darjah secara lebih aktif, kreatif dan investigatif dalam kalangan pelajar.

Hasil kajian Michael dan Dobson (2008) juga menunjukkan pentaksiran alternatif mampu mengukur hasil pembelajaran yang kompleks yang tidak dapat diukur melalui pentaksiran piawai, meningkatkan motivasi pelajar malah pelajar berupaya memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk bekerja dalam kehidupan sebenar. Dapatan kajian Stralberg (2007) mendapati wujudnya hubungan yang kuat antara penguasaan dan pembelajaran pelajar melalui kaedah pentaksiran alternatif ini. Selain mampu membantu pelajar menilai prestasi mereka sendiri, kaedah pentaksiran ini juga menampakkan perkembangan peribadi setiap pelajar. Guru perlu bertanggungjawab untuk sentiasa memperuntukkan masa bagi tujuan menyemak data dan mengkaji semula rancangan pengajaran sepanjang tahun mengikut tahap pencapaian pelajar bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan kaedah pentaksiran ini (Dorn 2010).

Melihat kepada perkembangan positif ini, perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejajar dengan tuntutan masyarakat yang tidak

mahu sistem pentaksiran yang terlalu berorientasikan peperiksaan dan memenuhi keperluan perubahan pentaksiran masa kini. Tindakan Kementerian Pelajaran memperkasakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam Mata Pelajaran Vokasional (MPV) dan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) yang mengetengahkan Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular (PKPM) di sekolah juga wajar dilakukan berikutan kurikulum yang berorientasikan Pendidikan Berasaskan Kompetensi (*Competency Based Education*) (Hasanor 2003; Mustapar & Ahmad Tajudin 2002). Senario ini menunjukkan bahawa perubahan dalam sistem pentaksiran di Malaysia perlu dibuat supaya ia lebih bersesuaian dengan perkembangan dan kehendak semasa sistem pendidikan negara. Pentaksiran alternatif yang dicadangkan juga menekankan aspek pentaksiran secara menyeluruh dan berterusan yang mengakui kepelbagaian kebolehan dan bakat manusia serta melihat kecerdasan sebagai sesuatu yang boleh berubah dan dikembangkan.

Perubahan kepada pendidikan berasaskan kompetensi (PBK) ini juga telah memberi kesan terhadap sistem pentaksiran yang dijalankan bagi pendidikan vokasional di Malaysia. Sistem modular merupakan satu sistem yang menggunakan kurikulum PBK. Modul yang telah dibuat berdasarkan analisis pekerjaan. Penilaian sistem modular adalah berasaskan tugas (*task*) dalam setiap modul (Payne 2003). Di Australia dan United Kingdom, PBK telah dilaksanakan sebagai satu agenda yang penting dalam sistem pendidikan negara. Penilaian yang dibuat adalah secara pentaksiran berasaskan sekolah yang memerlukan guru atau tenaga pengajar bertindak sebagai penilai kepada aktiviti pelajar (Boreham 2002).

PBK membekalkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya menjadi pekerja yang produktif. Dalam perkembangan industri yang semakin meluas, *National Training Agencies of American State* telah membuat panduan untuk membina kurikulum berteraskan pekerjaan yang perlu dilaksanakan dalam bentuk modular atau unit. Format kurikulum seperti ini membolehkan sesuatu kemahiran dan kompetensi dapat dikenal pasti secara sistematik dalam menentukan sesuatu pekerjaan yang akan diceburi. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam proses pendidikan dan latihan berminat untuk mengetahui keberkesanan sesuatu latihan, sama ada pembelajaran berlaku dengan berkesan atau tidak, bagaimana sesuatu kursus itu

ditingkatkan dan sejauh mana kemajuan pelatih. Penilaian pelajar boleh menentukan apa yang perlu diubah, diteruskan dan apa yang telah dipelajari. Dalam sistem modular strategi penilaian pengajaran biasanya dinilai secara individualized dan pelaksanaannya dalam sesuatu pendidikan adalah melalui pentaksiran berasaskan kompetensi (NCTVET 2006).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejak kebelakangan ini, faktor-faktor seperti kepesatan perubahan teknologi, pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan mobiliti buruh yang tinggi telah mempengaruhi keperluan untuk pengembangan dalam pendidikan dan latihan lepasan menengah dalam pembangunan pembelajaran sepanjang hayat. Kemunculan pasaran baru memerlukan graduan yang mampu untuk beroperasi dalam persekitaran yang kompleks dengan mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sahsiah yang dinamik (Westera 2001). Ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan dan latihan perlu memberi tumpuan kepada graduan yang dapat menyelesaikan masalah dalam pekerjaan mahupun kehidupan dan mampu menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa dalam pasaran global (Knight & Yorke 2003; Van & Heijden 2005; Wesselink & Wals 2011).

Di Malaysia, kemajuan ekonomi negara yang begitu pesat telah mengakibatkan permintaan tenaga pekerja teknikal dan vokasional terutamanya dalam kumpulan mahir dan separa mahir. Sejajar dengan keperluan meningkatkan tenaga kerja teknikal untuk merealisasikan Wawasan 2020, kerajaan telah mengambil langkah untuk meningkatkan bilangan pekerja teknikal dan vokasional melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan langkah drastik telah membuat penstrukturan semula Sekolah Menengah Vokasional bermula tahun 2005 (PIPP 2006-2010) dan bermula tahun 2012, KPM telah mewujudkan Kolej Vokasional dalam memantapkan lagi pendidikan vokasional di Malaysia (KPM 2010). Merujuk Laporan The Third Outline Perspective Plan 2001 – 2010, Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Malaysia telah membuat unjuran seramai 227,900 pekerja profesional dan teknikal diperlukan oleh industri di Malaysia. Bagi merealisasikan keperluan tersebut, universiti dan pusat latihan memainkan peranan

penting sebagai pengeluar dalam menghasilkan pasaran sumber guna tenaga tersebut (Malaysia Government 2001).



Rajah 1.1 Keperluan Pekerja Mahir dan Separa Mahir yang di perlukan oleh industri.
Sumber : Kementerian Sumber Manusia 2008

Rajah 1.1 menunjukkan keperluan pekerja mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh industri menjelang 2020. Data daripada Kementerian Sumber Manusia (2008) menunjukkan kekurangan tenaga kerja mahir sebanyak 100 000 dalam bidang pembuatan sahaja, manakala dalam bidang hospitaliti pula seramai sebanyak 150 000 orang. Permintaan terhadap pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 juga amat memerlukan pekerja mahir dalam pelbagai industri termasuk bidang teknik dan vokasional.

Keperluan tenaga mahir dalam pasaran pekerjaan bukan sahaja dapat dilihat dalam situasi Malaysia pada hari, malah telah banyak diperkatakan sejak dahulu lagi. Kerajaan juga telah memperuntukkan 1.2 bilion ringgit dalam mengurus perdana pendidikan teknikal dan vokasional dalam bajet 2015. Dalam ucapan bajet 2015 baru-baru ini menyatakan menjelang tahun 2020, sekurang-kurangnya 46 peratus pekerjaan memerlukan kelayakan teknikal dan vokasional. Untuk itu, Kerajaan akan meningkatkan pengambilan pelajar di kolej vokasional dan kolej komuniti melalui

program Transformasi Vokasional dan Teknik serta menaik taraf kolej (BERNAMA 2014). Ini termasuklah menyediakan keperluan fizikal terutama dalam aspek kemudahan infrastruktur bagi menampung program-program yang mempunyai permintaan keperluan pekerja mahir dan separa mahir yang tinggi dalam bidang industri. Keperluan infrastruktur fizikal, seperti keadaan bilik darjah yang selesa, kerusi dan meja yang sesuai dan mencukupi mengikut bilangan pelajar perlu untuk membantu dalam memudahkan dan memberi keselesaan kepada pelajar dan guru menjayakan sesuatu program (Kirk 2006; Darbey 2010). Bahan P&P yang sesuai dan relevan juga merupakan input yang penting dalam menjayakan sesuatu program pendidikan. Kajian Alias et al. (2011) telah menunjukkan bahawa bahan dan peralatan merupakan salah satu elemen yang penting dalam membantu meningkatkan kualiti P&P dalam kelas. Rentetan daripada ini, pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengangkat martabat Pendidikan Teknikal dan Vokasional di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

Pada sekitar tahun 60-an, Pendidikan Berteraskan Kompetensi (PBK) telah diperkenalkan dalam kebanyakan program pendidikan vokasional sebagai respon kepada permintaan pasaran kerja. Walaupun PBK telah diperkenalkan sejak tahun 60-an lagi tetapi pelaksanaannya yang menjurus pada pekerjaan telah diketengahkan oleh John Dewey hanya pada awal 1990-an. Pendekatan PBK telah dilihat sebagai satu keperluan untuk memenuhi permintaan industri oleh tenaga pengajar dalam mencapai matlamat Pendidikan Teknikal dan Vokasional bagi melahirkan pekerja industri yang berkemahiran dan terlatih (Klingstedt 1973; Leigh et al. 2007).

Menyedari hakikat ini, Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia dipertingkatkan lagi untuk melahirkan sekumpulan individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan terlatih dalam pendidikan asas vokasional. Berikutan keperluan ini, KPM telah mengubah kurikulum dalam bidang vokasional khususnya. PBK mula diperkenalkan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia untuk menggantikan sistem konvensional dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mustapar & Ahmad Tajudin 2002). Perubahan dari sistem konvensional yang memfokuskan kepada pencapaian akademik kepada PBK adalah bertunjang kepada gelombang *outcome-based education* yang melanda negara-negara barat bermula pada

1970-an (Oliva 2005). Sehingga sekarang negara-negara membangun cuba untuk mengaplikasikan inovasi PBK ini termasuklah Malaysia. Pelaksanaan PBK di Malaysia masih di peringkat awal. Masih terdapat pelbagai persepsi dan tanggapan berkenaan pelaksanaan PBK ini.

1.2.1 Pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular (PKPM)

Perubahan yang berlaku dalam kurikulum pendidikan vokasional pada masa kini telah memberi banyak kesan terhadap pelaksanaan sistem pendidikan vokasional. Dengan perubahan kurikulum mata pelajaran elektif aliran vokasional kepada Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) dan pelancaran Mata pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik (MPV) pada tahun 2002 di sekolah-sekolah akademik menengah atas merupakan satu inovasi besar yang dilakukan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebelum mata pelajaran bercorak vokasional ditawarkan kepada pelajar di sekolah menengah akademik, mereka terpaksa memohon di Sekolah Menengah Teknik atau Vokasional (SMT/V) yang tempatnya agak terhad. Kadar penyertaan pelajar di SMT/V ialah tujuh peratus daripada jumlah enrolmen kohort Tingkatan 4, iaitu satu angka yang rendah berbanding kadar penglibatan pelajar di negara-negara maju seperti Jerman, Perancis dan Itali meliputi penyertaan melebihi 60 peratus (Ahmad Sipon 2001).

MPAV dan MPV diperkenalkan bagi menyediakan kumpulan mahir dan separa mahir dalam bidang teknikal dan vokasional dalam era k-ekonomi menjelang 2020 (Ahmad Tajudin 2007). Pelaksanaan Pendidikan Berasaskan Kompetensi (PBK) atau *competency base education* yang ditekankan dalam MPAV dan MPV merupakan perubahan dan pendekatan terbaik bagi melahirkan sumber guna tenaga teknikal yang bukan sahaja berkualiti dan mahir tetapi memiliki nilai kompeten yang tinggi dalam perlakuan dan pemikiran terhadap kerja teknikal. Oleh itu semua aspek termasuk penggubalan bahan kurikulum, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran haruslah memberi tumpuan untuk menepati keperluan PBK. PBK yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan di beberapa negara seperti di Amerika Syarikat dan Australia pada awal tahun 1990an telah menjadi ikutan kerana keperluannya dalam Pendidikan Vokasional.

Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTek), KPM telah melaksanakan aliran vokasional di sekolah menengah teknik atau vokasional di seluruh negara. Kurikulum pendidikan vokasional pada tahun 1986 sehingga 2005 telah menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara linear atau tradisional. Kaedah pentaksiran yang dijalankan untuk pendidikan vokasional juga adalah secara linear iaitu pentaksiran yang mengukur pencapaian seseorang pelajar di akhir sesi pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Setelah MPAV diperkenalkan pada tahun 2006 dan MPV pada tahun 2002, Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTek) telah memperkenalkan Pendidikan Berasaskan Kompetensi (*Competency Based education*) dan sekali gus menggunakan PKPM sebagai sistem pentaksiran dalam MPAV dan MPV (Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional 2007). Jadual 1.1 di bawah menunjukkan perbezaan antara pentaksiran tradisional dan PKPM.

Jadual 1.1 Perbezaan antara Pentaksiran Tradisional dengan PKPM

Pentaksiran Tradisional	Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular
Berasaskan sukatan pelajaran keseluruhan (<i>Total syllabus based</i>). Pentaksiran dijalankan berdasarkan kandungan sukatan pelajaran sesuatu mata pelajaran secara keseluruhan.	Berasaskan modul dalam sukatan pelajaran (<i>module based</i>). Pentaksiran dijalankan berdasarkan kandungan sesuatu modul.
Linear. Pentaksiran yang mengukur pencapaian seseorang pelajar di akhir pembelajaran sesuatu mata pelajaran.	Modular. Pentaksiran dijalankan secara berterusan (<i>on going</i>) sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu modul.
Merujuk norma (<i>norm-referenced</i>). Prestasi pelajar dibandingkan dengan prestasi pelajar lain dalam kumpulannya.	Merujuk kriteria (<i>criterion referenced</i>). Prestasi pelajar dirujuk kepada standard atau pernyataan kriteria yang ditetapkan.
Berpusatkan sistem (<i>system centered</i>). Pelajar menduduki peperiksaan mengikut jadual yang telah ditetapkan.	Berpusatkan pelajar (<i>learner centered</i>). Pentaksiran dijalankan setelah pelajar bersedia untuk ditafsir.

bersambung...

...sambungan

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Satu dokumen yang melaporkan gred akhir pelajar untuk mata pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia.

Pentaksiran tentang pembelajaran (*Assessment of learning*).
Pentaksiran yang bertujuan menguji tahap pencapaian pelajar di akhir sesi pembelajaran.

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Modular.

SPM – satu dokumen yang melaporkan gred akhir pelajar untuk mata pelajaran SPM.

Sijil Modular – satu dokumen komprehensif yang melaporkan modul yang pelajar telah kompeten.

Pentaksiran untuk pembelajaran (*Assessment for learning*).
Pentaksiran secara berterusan yang boleh mempertingkatkan mutu pembelajaran.

Sumber : Lembaga Peperiksaan Malaysia 2005

Proses penilaian dikendalikan oleh LPM, Kementerian Pelajaran dengan menggunakan kaedah gabungan PBS melalui kompetensi modular dan peperiksaan berpusat. PBS melalui kompetensi modular dijalankan sepanjang proses pembelajaran dan pengajaran Tingkatan 4 hingga 5 yang dikendalikan oleh guru mata pelajaran (guru pentaksir) yang melibatkan eviden proses dan produk untuk menaksir kemahiran kompetensi dan nilai, manakala peperiksaan bertulis berpusat ditadbirkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia pada bulan November sesi persekolahan Tingkatan 5 yang melibatkan eviden pengetahuan untuk menaksir pengetahuan dan kemahiran mengaplikasi. Sebelum kurikulum baru MPAV dan MPV dilaksanakan, penilaian prestasi pelajar yang diamalkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui sistem peperiksaan berpusat (Jabatan Pendidikan Teknikal 2003). Dengan sistem baru ini pelajar dapat diuji tahap pencapaiannya dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu mata pelajaran. Pencapaian pelajar tersebut akan dilaporkan secara keseluruhan dalam Sijil Modular dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Komponen yang penting dalam pentaksiran kompetensi adalah kepercayaan bahawa hasil atau outcome boleh dan perlu dinyatakan dengan jelas dan telus. Penilai, pelajar dan pihak ketiga sepatutnya boleh memahami apa yang sedang dinilai dan apa yang perlu dicapai (Alison 2001). Pelaksanaan PKPM dalam pengajaran dan

pembelajaran MPAV dan MPV lebih bersifat penilaian alternatif di mana pentaksiran prestasi dilakukan ke atas setiap pelajar. Kaedah penilaian alternatif dilihat sebagai jalan penyelesaian dan amat sesuai digunakan untuk pentaksiran pencapaian dalam kerja amali yang melibatkan kecekapan dalam kemahiran. Kaedah penilaian alternatif yang dimaksudkan adalah ujian amali, projek, soal selidik, senarai semak, portfolio, pemerhatian dan temu bual (Popham 2000). Selaras dengan sistem kompetensi modular, penilaian dilakukan dengan menaksir bukti-bukti yang diperoleh daripada pelajar terhadap setiap modul. Bukti-bukti yang diperoleh adalah bermaksud sebarang bentuk respon dari pelajar yang bersifat penulisan, lisan, projek dan apa sahaja yang boleh menjadi bukti. Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2003), kompetensi adalah satu unit tugas (*task*) yang mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam menggunakan alat, bahan dan kaedah menyempurnakan tugas yang diberi oleh guru pentaksir. Kompetensi mestilah bersifat boleh diperhatikan dan boleh diukur.

Sehingga kini, banyak usaha dan kajian yang berkaitan termasuklah pelaksanaan Mata pelajaran Vokasional (MPV) dan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) telah dijalankan secara berperingkat-peringkat. Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM 2003 telah melaporkan bahawa pelaksanaan Fasa 1 yang melibatkan lapan MPV telah berjaya memberi persediaan awalan dari segi teori dan kemahiran serta mendedahkan pelajar kepada peluang pekerjaan, keusahawanan dan latihan dalam sektor teknik dan vokasional. Walau bagaimanapun menurut Laporan Penilaian pelaksanaan MPV ini lagi, masih terdapat beberapa perkara yang perlu dikaji semula termasuklah latihan guru.

Pelbagai kursus dan bengkel telah dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan profesionalisme guru dalam bidang teknikal dan vokasional. Tidak terkecuali mendedahkan guru kepada pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PKPM. Semenjak program MPV diperkenalkan pada awal tahun 2002, guru-guru yang terlibat untuk mengajar MPV hanya diberikan kursus jangka pendek selama 3 minggu iaitu pada bulan November tahun 2001. Bagi persediaan untuk tahun 2003 pula, pihak KPM telah menganjurkan kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu kepada guru-guru yang berminat dan terpilih (Pusat Perkembangan

Kurikulum 2003). Persoalannya sekarang, adakah kursus yang diberikan berkesan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah mencukupi dan dapat menjadikan guru-guru ini bersedia untuk mengajar?.

Menurut Hassanor (2003) pula, perubahan yang ketara dalam melaksanakan pentaksiran kompetensi memperlihatkan satu lagi inovasi dalam pentaksiran yang diperkenalkan lebih fleksibel, individu dan mampu mempertingkatkan pembelajaran pelajar. Persediaan menerima perubahan dan menyediakan keperluan bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran kompetensi dapat dijalankan dengan lancar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa halangan yang biasanya dihadapi oleh guru semasa melaksanakan sesuatu perubahan di antaranya adalah kurangnya penjelasan terhadap perubahan, kekurangan kebolehan kakitangan untuk menjalankan peranan baru tersebut dan kurangnya kursus, bengkel serta seminar berkaitan perubahan tersebut dan guru-guru tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk melaksanakan sistem tersebut. Guru yang tidak terlatih akan mempunyai kefahaman yang sedikit seterusnya akan menyebabkan pelaksanaan proses pentaksiran tidak dapat dijalankan dengan berkesan akibat ketidaksediaan guru tersebut (Salmiah 2013; Begum & Farooqui 2008).

Bagi menjayakan pentaksiran yang berkualiti dalam sistem pendidikan, masalah kompetensi pengetahuan guru dalam bidang pentaksiran perlulah ditangani dengan sewajarnya (Rohaya & Mohd Najib 2008). Guru harus terlebih dahulu jelas tentang objektif pengajaran dan hasil pembelajaran yang hendak ditaksir, dan kemudian memadankannya dengan kaedah penaksiran yang menepati keperluan pelajar sebelum memilih kaedah dan instrumen penilaian. Guru kurang mempunyai kemahiran dalam mengaitkan sukatan pelajaran kurikulum dan aktiviti pentaksiran yang ingin dijalankan bagi mematuhi prinsip asas pentaksiran yang dijalankan dan menggunakan maklumat pentaksiran untuk meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dan guru juga sukar untuk melaksanakan proses pentaksiran dengan telus kerana tidak dapat menerima kesahihan amalan pentaksiran yang baik dapat membantu pelajar dalam proses P&P (Hawk & Hill 2001; Ahmad Hozi 2009; Kennedy 2011). Guru juga sewajarnya mempunyai kombinasi pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dapat mendorong pelajar dalam membina kefahaman kepada faedah proses pentaksiran,

memberikan bimbingan, memberi maklum balas dan memimpin proses pentaksiran dan membimbing pelajar untuk memahami signifikan keputusan pentaksiran (Chan & Gurnam 2012).

Guru yang tidak kompeten akan membawa implikasi negatif. Sebagaimana dapatan kajian Rohaya dan Mohd Najib (2008), bahawa guru gagal memantau kemajuan pembelajaran akibat kurangnya pengetahuan, tidak dapat menghasilkan keputusan yang adil, perancangan pengajaran yang lemah dan tidak dapat mencungkil potensi sebenar pelajar, melaporkan prestasi pelajar dalam pelajaran secara tidak tepat kepada ibu bapa, mengakibatkan ketidakpercayaan dan keraguan dalam proses penaksiran yang menyebabkan kualiti pentaksiran dipersoalkan oleh pelbagai pihak akibat daripada akauntabiliti pentaksiran yang gagal dilaksanakan sepenuhnya (Suzana & Jamil 2012; William 2010).

Hasil laporan terhadap pelaksanaan PKPM yang telah dijalankan di Sekolah Menengah Harian dalam program MPV membuat perabot, menyatakan proses pentaksiran masih di tahap sederhana, di mana guru pentaksir masih dalam penyesuaian diri dengan kaedah yang ditetapkan oleh LPM, masih timbul masalah dalam proses melengkapkan borang-borang pentaksiran dan pelaksanaan modul pembelajaran. Selain itu, kemudahan komputer untuk proses pendaftaran, penskoran individu dan penyimpanan gambar bagi eviden proses perlu dipertingkatkan (Azizi Ahmad 2003; 2004). Faktor bekalan peralatan dan bahan juga secara langsung mempengaruhi pencapaian pelaksanaan PKPM. Kajian Emmanuel (2011) menyatakan sistem pendidikan di Ghana pada tahun 2007 telah melalui transformasi dalam pendidikan yang memberi penekanan kepada bidang Sains, Matematik, Teknologi dan Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TVET). Latihan yang berasaskan kompetensi (CBT) telah diperkenalkan di Politeknik bertujuan untuk menyediakan graduan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik di tempat kerja, industri, perdagangan, pengurusan dan pentadbiran. Dapatan kajian beliau mendapati pelaksanaan CBT memerlukan modal yang banyak dan terdapat kekurangan dari aspek peralatan untuk menjayakan program CBT di Politeknik. Kajian Noor Sharlina (2009), pula mendapati kebanyakan guru Amalan Bengkel Mesin (ABM) menghadapi masalah dalam pengurusan bengkel dan penyelenggaraan

alat untuk sistem modular. Lyle dan Albert (2005), menyatakan kemudahan dan peralatan bengkel perlu di selenggara dan dijaga dengan baik supaya ianya tidak mengganggu proses pengajaran. Perancangan dan persediaan yang terperinci perlu di lihat secara menyuruh bagi memastikan usaha dan hasrat kerajaan dalam merealisasikan sistem pentaksiran pendidikan (SPPK) yang memfokuskan kepada sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih holistik termasuklah menerusi transformasi pendidikan vokasional.

1.2.2 Transformasi Kolej Vokasional

Menurut Mohd Najib (2010), di negara maju pendidikan teknikal dan latihan vokasional menjadi antara pilihan utama pelajar kerana ianya menyediakan prospek kerjaya yang baik. Sebaliknya di Malaysia ianya dilihat sebagai pilihan terakhir kerana persepsi prospek kerjaya yang terhad. Andaian negatif ini harus disangkal. Pendidikan teknikal dan latihan vokasional sebenarnya menyediakan landasan alternatif yang baik bagi para pelajar merealisasikan potensi mereka. Seramai 100,000 lepasan SPM atau 22 peratus memasuki pasaran pekerjaan setiap tahun tanpa latihan kemahiran. Bagi membolehkan mereka mendapat pendidikan teknikal dan latihan vokasional, kemudahan pendidikan teknikal dan latihan vokasional dipertingkatkan dan seterusnya mengurus perdana kan PTV dalam usaha menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bagi tempoh 2011 hingga 2015 memperlihatkan satu perubahan ketara dalam sistem PTV di Malaysia.

Penggarapan idea dan strategi berasaskan pencapaian dan peningkatan negara luar seperti Korea dan German, sebuah negara berpendapatan tinggi menjadi contoh kepada Malaysia untuk terus mengorak langkah bersaing dan berada pada mata dunia. Digarap dengan pendekatan yang lebih holistik dalam pembentukan modal insan kelas pertama menjadi keutamaan kepada satu penjelmaan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan disegani (Aminuddin 2011). Jelas bahawa kerajaan Malaysia sentiasa memberi sokongan terhadap pendidikan teknikal dan vokasional dalam usaha mencapai wawasan negara. Bermula tahun 2012, sebanyak 12 Sekolah Menengah Vokasional di seluruh Malaysia telah dijadikan Kolej Vokasional rintis. Penjenamaan semula SMV kepada Kolej Vokasional telah bermula pada tahun 2013. Sebanyak 79

buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) telah di naik taraf menjadi Kolej Vokasional (KV) sepenuhnya dan telah menggunakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) (KPM 2012).

Jadual 1.2 menunjukkan, terdapat beberapa perubahan yang telah dilaksanakan dalam transformasi KV di antara nya adalah sistem pengajian daripada sistem penggal ke sistem semester, tempoh pengajian dua tahun kepada tiga tahun, hasil yang diharapkan dalam sistem KV lebih kepada pelajar mendapat pekerjaan dan pelajar boleh bekerja sendiri berbanding sebelum ini dalam kurikulum MPAV hasilnya di reka bentuk untuk pelajar boleh melanjutkan pelajaran ke Politeknik atau pusat pengajian tinggi yang berkaitan. Bagi bahagian pentaksiran yang digunakan, KSKV masih menggunakan pentaksiran kompetensi dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Kolej atau lebih dikenali sebelum ini sebagai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di SMV. Hanya nisbah komposisi pelaksanaan PBS yang menggunakan Pentaksiran Kompetensi berubah daripada 60 peratus di Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada 70 peratus di Kolej Vokasional (KV). Selain itu komposisi modul bidang kemahiran dan akademik juga berubah daripada nisbah komposisi 45:55 di SMV kepada 70:30 di KV.

Elemen Pensijilan juga berbeza, di mana pelajar yang mengikuti MPAV telah dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Modular, manakala pelajar yang mengikuti KSKV akan dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia. Pelaksanaan *Competency Based Education Training* (CBTE) dalam kedua-dua program adalah selari dengan keperluan pendidikan vokasional masa kini dan seterusnya Kolej Vokasional juga telah menapak selangkah lagi untuk melaksanakan *Production Based Education* (PBE) dan mewajibkan *on job training* dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). Atas dasar inilah, penambahbaikan dalam setiap aspek terutama pelaksanaan pentaksiran kompetensi perlu bagi memantapkan lagi transformasi pendidikan vokasional di Malaysia khususnya.

Jadual 1.2 Transformasi Pendidikan VOCTECH

Komponen	Sekolah Menengah Vokasional (2006-2013)	Kolej Vokasional KPM (2012 hingga sekarang)
Sistem Pengajian	Sistem penggal	Sistem Semester
Tempoh Pengajian	2 Tahun	3 Tahun (Sijil) 4 Tahun (Diploma)
Kurikulum	Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV)	Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV)
Hasil(<i>Outcome</i>)	Direka bentuk untuk pelajar boleh melanjutkan pelajaran	Direka bentuk untuk pelajar boleh mencari pekerjaan / bekerja sendiri/ menyambung pelajaran.
Pelaksanaan	Pendidikan dan Latihan Berasaskan Kompetensi. (<i>Competency Based Education & Training</i> (CBET).	Production Based Education (PBE). Competency Based Education & Training (CBET). School Enterprise (SE)
Modul	45:55 (Kemahiran : Akademik)	70:30 (Kemahiran : Akademik)
Bentuk Pentaksiran	60:40 (Pentaksiran Sekolah : Peperiksaan Berpusat)	70:30 (Pentaksiran Kolej : Peperiksaan Berpusat)
Pensijilan	SPM dan Sijil Modular	Sijil Vokasional Malaysia
Bahasa Penghantar	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Bidang Yang Ditawarkan	19 Bidang	16 Bidang

Sumber : KPM 2013

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Sistem pendidikan selama ini yang menggunakan pendekatan konvensional perlu kepada pembaharuan dalam mengembangkan pelajar yang menunjukkan perbezaan dari segi kecerdasan, potensi dan kebolehan. Pada umumnya, Pendidikan Berasaskan Kompetensi (*Competency Based Education*) adalah sangat berkesan digunakan bagi pendidikan yang bermatlamatkan melahirkan dan melatih pelajar dalam aspek kemahiran berkaitan pekerjaan dan menguji aspek nilai dan sikap. Justeru itu, sejak pendidikan berasaskan kompetensi diperkenalkan dalam Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) di Sekolah Menengah Vokasional (SMV) dan Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Harian, manakala bermula tahun 2013 dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) di Kolej Vokasional, pelbagai usaha giat dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjayakan hasrat ini. Saban tahun peningkatan terhadap pengambilan pelajar dan pertambahan kos terhadap transformasi pendidikan vokasional. Pelaksanaan projek ini melibatkan perbelanjaan, masa dan tenaga yang banyak. Unjuran pengambilan pelajar dalam bidang vokasional saban tahun akan meningkat kepada 20 peratus bermula 2010 hingga 2015 (LAMPIRAN A).

Transformasi pendidikan nasional yang telah dilancarkan juga membawa kepada perubahan besar dalam sistem pentaksiran kebangsaan di mana penilaian merangkumi aktiviti mendapat informasi dan membuat perbandingan semasa pengajaran dan pembelajaran itu berlangsung, berbanding hanya penentu pencapaian pelajar pada akhir satu sesi pembelajaran. Sistem pentaksiran kini memberi penekanan kepada penilaian berterusan yang bertujuan membantu pembelajaran pelajar. Oleh itu keperluan menyediakan guru yang dapat menguasai kaedah pentaksiran kompetensi adalah menjadi kemestian bagi menjayakan pentaksiran yang berkualiti dalam sistem pendidikan (Yahya et al.2003). Bagi menjayakan pentaksiran yang berkualiti, perancangan dan persediaan sumber termasuk aspek pengetahuan, kemahiran guru dan proses pelaksanaan pentaksiran itu juga memberi implikasi dalam mencapai matlamat transformasi yang membawa penghijrahan daripada pentaksiran berorientasikan peperiksaan kepada pentaksiran yang holistik, seimbang, fleksibel, adil dan merujuk kriteria standard.

Walaupun dapatan kajian yang berkaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung telah dijalankan dan dibincangkan dalam latar belakang kajian bagi amalan pentaksiran di Malaysia, namun kajian yang berkaitan secara terus dan menyeluruh terhadap sistem pentaksiran yang dijalankan khususnya pelaksanaan PKPM masih samar-samar dan masih memerlukan kupasan melalui penilaian secara keseluruhan. Persoalan yang sering timbul dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah adalah berkaitan dengan guru-guru semasa membuat penilaian. Adakah guru-guru telah diberikan pendedahan dan kursus yang berkaitan pentaksiran?, adakah guru-guru yang dilantik sebagai penilai dalaman boleh menilai dengan baik tanpa ada unsur-unsur bias dalam penilaian? adakah guru dapat menjalankan proses pentaksiran dengan baik? dan adakah guru-guru menggunakan sepenuhnya maklumat daripada pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran?. Ini kerana, pentaksiran yang baik dan berkualiti dapat memberikan gambaran yang baik tentang tahap perkembangan pelajar. Tambahan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan Kolej Vokasional yang turut menggunakan Pentaksiran Kompetensi dalam komponen Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV).

Oleh kerana pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular (PKPM) masih baru di Malaysia dan telah digunakan secara meluas khususnya dalam memperkasakan lagi bidang Teknik dan Vokasional, jadi atas dasar inilah, kajian ini perlu dilaksanakan untuk menilai secara keseluruhan pelaksanaan PKPM yang telah dijalankan di sekolah serta menentukan sejauh mana kah PKPM mencapai matlamat bagi menjayakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Kajian ini juga bertujuan untuk memberi maklumat berkaitan pelaksanaan PKPM sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Adalah menjadi harapan kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan khususnya melalui penilaian pelaksanaan PKPM yang dijalankan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4 KERANGKA KONSEPTUAL

Penilaian boleh dijalankan dengan berbagai-bagai kaedah, pendekatan dan model. Model merupakan gambaran konsep terhadap sesuatu aktiviti yang menerangkan pelbagai elemen yang berlaku dalam aktiviti tersebut dan penilaian program sebenarnya terdiri daripada spektrum definisi yang bergantung kepada teori penilaian atau pendekatan penilaian (Jamil 2002 ; Madaus & Kellaghan 2002). Secara umumnya penilaian program boleh ditakrifkan sebagai suatu proses menghasilkan keputusan, pengumpulan dan analisis data yang sistematik (Vincent & Denis 2010).

Kerangka konseptual kajian penilaian ini dibentuk dari adaptasi Model penilaian Universiti of California Los Angeles (UCLA) yang diperkenalkan oleh Marvin Alkin pada tahun 1969 untuk Pusat Kajian Penilaian atau *Centre for Study of Evaluation* (CSE). Pemilihan model penilaian UCLA dalam kajian ini adalah signifikan dengan tujuan kajian dilaksanakan iaitu mengukur sejauh mana pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular telah dilaksanakan di sekolah bagi tujuan penambahbaikan. Model UCLA mempunyai banyak persamaan dengan model CIPP yang diperkenalkan oleh Stufflebeam. Perbezaannya adalah Alkin mengiktiraf bahawa di peringkat penilaian komponen implementasi (proses) dan komponen pengiktirafan (produk) mempunyai kedua-dua dimensi penilaian formatif dan sumatif. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan dimensi penilaian formatif dengan melihat penambahbaikan dan pembangunan aktiviti yang berterusan dalam komponen implementasi dan komponen pengiktirafan. Di mana proses pentaksiran dan prinsip pentaksiran berlaku secara berterusan sepanjang pelaksanaan PKPM di SMV.

Manakala dimensi penilaian sumatif digunakan dalam ke empat-empat komponen penilaian untuk membuat tindakan dan keputusan. Dalam kajian ini, keputusan dibincangkan dan dirumuskan di setiap peringkat penilaian. Komponen penilaian yang diadaptasi daripada Alkin (1969) merangkumi peringkat penilaian komponen persekitaran (konteks), penilaian komponen perancangan (input), penilaian komponen implementasi (proses) dan penilaian komponen pengiktirafan (produk). Tujuan dan kegunaan penilaian dalam pendidikan termasuklah perancangan,

pengelolaan, proses dan tindakan lanjut yang dapat diarahkan kepada keputusan-keputusan yang berkaitan dengan pengajaran, hasil pembelajaran, kurikulum, prosedur, dasar, amalan dan usaha penambahbaikan. Perkara ini juga lah yang membezakan di antara kajian penilaian dengan kajian penyelidikan (Mertens 2014)

Alkin (1969,2012) menyatakan penilaian sebagai satu proses untuk memastikan keputusan yang dibuat dengan memilih maklumat yang tepat, mengumpul dan menganalisis maklumat untuk melaporkan rumusan data yang berguna untuk pembuat keputusan. Model UCLA ini juga mudah dikendalikan kerana proses penilaian yang dijalankan mengikut sub-sub komponen yang membentuknya. Ia terdiri daripada komponen persekitaran (*needs assessment*) bersamaan dengan konteks dalam model CIPP, komponen perancangan (*planning*) bersamaan dengan input dalam model CIPP, komponen implementasi (*implementation*) dan penambahbaikan program (*program improvement*) bersamaan dengan proses dalam model CIPP dan komponen pengiktirafan (*certification*) bersamaan dengan produk dalam model CIPP.

Kajian penilaian terhadap pelaksanaan PKPM ini juga memberi tumpuan kepada perspektif guru-guru dari segi penilaian komponen persekitaran, penilaian komponen perancangan, komponen implementasi dan komponen pengiktirafan atau hasil. Kerangka konseptual (Rajah 1.2) mengandungi kesemua komponen ini yang mempunyai aspek penilaian tersendiri. Penilaian yang dibuat melalui ke empat-empat komponen ini akan membekalkan maklumat yang dapat digunakan untuk membuat keputusan alternatif untuk tujuan menambah baik pelaksanaan PKPM melalui PBS di sekolah (Alkin 1969). Cadangan penambahbaikan daripada keputusan yang telah diperoleh merangkumi aspek amalan pentaksiran yang seharusnya dijalankan oleh guru dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk memantapkan sistem pentaksiran pendidikan (SPPK), penambahbaikan dalam aspek perancangan sumber manusia, infrastruktur, aktiviti pentaksiran yang dapat menilai potensi pelajar secara holistik dan hasil pembelajaran yang berterusan kepada pelajar.

Penilaian konteks bertujuan mengenalpasti perbezaan antara tujuan asal program dilaksanakan dengan status semasa apabila program dijalankan. Ia memberi


tumpuan kepada persekitaran dalam membangun dan merancang program (Stufflebeam & Shinkfield 1985). Stufflebeam (2003) menambah bahawa tujuan utama penilaian konteks ialah mengenalpasti keperluan kumpulan sasaran seterusnya mengemukakan kriteria untuk menetapkan tujuan dan menilai hasil. Selain mengenalpasti keperluan kumpulan untuk perkhidmatan pendidikan atau yang lain, mengenalpasti halangan untuk memenuhi keperluan undian, mengenalpasti sumber yang boleh digunakan untuk membantu memenuhi keperluan, menyediakan asas untuk menetapkan perkhidmatan yang berorientasikan tujuan, memberikan asas dalam menilai hasil daripada peningkatan sasaran. Hubungan penilaian konteks dalam membuat keputusan untuk proses penambahbaikan ialah menentu dan mendokumentasi program yang ditawarkan, kumpulan sasaran yang mendapat manfaat, penambahbaikan, keutamaan dalam mengganggarkan masa dan sumber, serta kriteria untuk menilai hasil.

Penilaian komponen persekitaran diperlukan adalah untuk menentukan tahap dan spesifikasi objektif pendidikan yang bersesuaian dengan situasi khusus atau program atau semasa. Komponen persekitaran dalam kajian penilaian yang menggunakan model penilaian UCLA ini adalah berkaitan dengan matlamat pendidikan yang merangkumi Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Dalam konteks kajian ini pengkaji melihat kesesuaian pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular (PKPM) dengan matlamat pendidikan SPPK dan matlamat PIPP.

Penilaian komponen perancangan yang di kenal pasti relevan dengan kajian pelaksanaan PKPM di sekolah adalah merangkumi keperluan sumber iaitu sumber manusia ialah guru, dan keperluan sumber bukan manusia yang meliputi kemudahan infrastruktur termasuklah pengurusan bengkel dan pengurusan bahan serta peralatan. Guru memainkan peranan penting sebagai orang yang melaksanakan PKPM dan secara langsung berkomunikasi dengan pelajar. Oleh sebab itu, perancangan sumber manusia seperti persediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan yang berkaitan dengan pelaksanaan PKPM perlu di lihat secara menyeluruh untuk memastikan semua guru yang terlibat dengan pelaksanaan PKPM dapat menghayati kepentingan PKPM.

Penilaian komponen implementasi dan penambahbaikan pula berkaitan dengan proses PKPM. Pelaksanaan PKPM dilihat sebagai satu kitaran proses pentaksiran yang lengkap. Ia meliputi peringkat proses pra pentaksiran, proses pentaksiran, proses penskoran dan penyimpanan eviden. Pada peringkat implementasi dan penambahbaikan, pendekatan kualitatif melalui temu bual terhadap guru dan pelajar telah dilakukan untuk menyelami aktiviti yang dijalankan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dan bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dalam peringkat ini. Rasionalnya pengkaji menggunakan dua dimensi atau pendekatan penilaian secara formatif dan sumatif pada peringkat ini adalah untuk mengumpul maklumat secara menyeluruh dan terperinci kepada pembuat keputusan agar penambahbaikan dapat dilakukan bagi melancarkan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah yang mengetengahkan Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular (PKPM).

Komponen pengiktirafan atau hasil dalam kajian penilaian ini pula terdiri daripada hasil pentaksiran prinsip PKPM dan hasil kepada pelajar dan matlamat pelaksanaan PKPM. Pertimbangan berkaitan dengan prinsip PKPM meliputi kesahan, kebolehpercayaan dan kebolehlaksanaan PKPM. Elemen kesahan dalam kajian ini bermaksud setiap pentaksiran perlu di reka bentuk supaya dapat memberi peluang seluas-luasnya kepada pelajar untuk mempamerkan eviden yang menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Aspek Kebolehpercayaan pula melibatkan keputusan pentaksiran mestilah tekal merentasi semua pentaksir dan pelajar yang menggunakan instrumen pentaksiran yang sama. Manakala aspek kebolehlaksanaan adalah untuk memastikan pentaksiran boleh dilaksanakan iaitu boleh dilakukan secara efektif dan kos efektif dan perlu disokong oleh sumber dan masa yang cukup. Manakala komponen pengiktirafan yang melihat hasil pelaksanaan PKPM kepada pelajar yang mementingkan pentaksiran untuk mempertingkatkan mutu pembelajaran pelajar dan hasil kepada matlamat pelaksanaan PKPM.



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian yang diadaptasi dari Model Penilaian UCLA

Sumber : Alkin 1969, 2012

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1999. *Pendidikan Sejarah, Falsafah, Teori Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Abdul Sukor Shaari & Kalaidewi A/P Aplanaidu. 2012. Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2 (2): 94-105.
- Abdul Zubir Abdul Ghani. 2007. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Di Kalangan Guru Tingkatan Tiga. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya.
- Abu Bakar Nordin & Bhasah Abu Bakar. 2008. *Penaksiran Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial*. Tanjung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. 2003. *Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Adam.R. 2010. Pelaksanaan Competency Based Training And Assessment (CBTA) Di Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional Di Malaysia.
[Http://Adamayu.Blogspot.Com/2010/02/Pelaksanaan-Competency-Based-Training.Html](http://Adamayu.Blogspot.Com/2010/02/Pelaksanaan-Competency-Based-Training.Html) [20 Mac 2010]
- Adi Badiozaman Tuah. 2006. Improving The Quality Of Primary Education In Malaysia Throught Curriculum Inovation: Some Current Issues On Assessment Of Student Performance And Achievement. *Proceeding ICMEE 2006*. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Adi Badiozaman Tuah. 2007. Sistem Pentaksiran Kebangsaan -Pelengkap Kurikulum Dalam Pembentukan Modal Insan Gemilang. *Persidangan Kurikulum Kebangsaan 2007 Negerisembilan*: Pusat Perkembangan Kurikulum. 43-53.
- Adya, M., & Kaiser, K. M. 2005. Early Determinants Of Women In The IT Workforce: A Model Of Girls' Career Choices. *Information Technology And People* 18 (3): 230–259.
- Ahmad Hozi Rahman. 2009. *Menguji Dan Menaksir Kefahaman Pelajar Dalam Noraini Idris Dan Shuki Osman, Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Teori Dan Praktis*. hlm 189- 230.Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Ahmad Sipon. 2001. Halatuju Dan Cabaran Pendidikan Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional*., Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum. 180
- Airasian, P. W. 2000. *Assessment In The Classroom: A Concise Approach*. Boston: Mc-Graw-Hill.

- Airasian, P. W. 2001. *Classroom Assessment: Concepts And Applications* (4th Ed.). New York: Mcgraw-Hill Higher Education.
- Alfie Kohn. 2010. *Inilah Sekolah Idaman Pelajar (The Schools Our Children Deserve)*. Terj. Rosnani Kamaruddin. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad Dan Institut Aminuddin Baki.
- Alias Mat Saad. Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yassin. 2011. Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan Dan Kursus Dalam Perkhidmatan Bagi Kursus Pendidikan Islam Di Politeknik Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education* 3 (1): 123-134.
- Alkin, M. 1969. UCLA-CSE. Evaluation Comment, Center For Study Of Evaluation. Evaluation Theory Development.
<http://Www.Cse.Ucla.Edu/Products/Pdf>.
- Alkin, M., Vo, A. & Christie, C.A. 2012. The Evaluator's Role In Valuing: Who And With Whom. In G. Julnes (Ed.), *Promoting Valuation In The Public Interest: Informing Policies For Judging Value In Evaluation*. *New Directions For Evaluation* 133: 29-41.
- Alkin, M. 2012. Context Sensitive Evaluation. In M. Alkin, Editor. *Evaluation Roots: A Wider Perspective Of Theorists' Views And Influences*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Alkin, M. C. & Christie, C. A. 2004. *An Evaluation Theory Tree Revisited*. In M. C. Alkin (Ed.), *Evaluation Roots*. Thousand Oaks: Sage
- Alkin, M. C. 2004. *Evaluation Roots*. Thousand Oaks: Sage.
- Alkin, M., & Christie, C. 2005. *Theorists' Models In Action*. *New Direction for Evaluation*. San Fancisco, CA: Jossey-Bass.
- Alkin, M., & Taut, S. 2003. Unbundling Evaluation Use. *Studies In Educational Evaluation*. (29): 1-12.
- Alkin, M., Vo, A, & Hansen 2012. Using Logic Models To Facilitate Comparisons Of Evaluation Theory. *Evaluation And Program Planning*.
- Alkin, M.C & Fitz-Gibbon, C.T. 1975. Methods And Theories Of Evaluating Programs. *Journal Of Research And Development In Education*. 8 (3): 2-15
- Alkin, M.C. 2012. *Evaluation Roots, (2nd Ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Alkin, M.C. 2011. *Evaluation Essentials: From A To Z*. New York, NY: Guilford Press
- Aminuddin Awang Kechik. 2011. Reformasi Dalam TVET: Perubahan Masa Hadapan. *Journal Of Edupres* (1): 336- 341.

- Arlin, M. 1984. Time Variability In Mastery Learning. *American Educational Research Journal* 21 (1): 103-120.
- Ashaari, O. 2001. Peranan, *Tugas Dan Tanggungjawab Guru Di Sekolah*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Assessment Reform Group (ARG). 2006. Assessment For Learning: Beyond The Black Box. Retrieved At Website : [Www.Assessment Reform Group.Org](http://www.Assessment Reform Group.Org), U.K.
- Assessment Reform Group. (ARG) 2001. *Assessment For Learning*. Dimuat Turun Pada 7 Feb, 2011.
- Association Of Assessment Inspectors And Advisers [AAIA] 2002. Secondary Assessment Practice: Self Evaluation And Development Material. [Http://Www.Aaia.Org.Uk](http://www.Aaia.Org.Uk) [10 April 2010]
- Azila Dason, Rohana Hamzah, & Amirmuddin Udin. 2010. Hala Tuju Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Memartabatkan Falsafah Pendidikan Negara. *Journal Of Edupres* : 1-13
- Azizah Lebai Nordin & Zainun Ishak. 2005. *Pendidikan Prasekolah Untuk Guru*. (Cetakan Ke-3) Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang. 2008. *Pengukuran Dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azizi Ahmad. 2003. Laporan Kajian Pelaksanaan MPV Membuat Perabot Di Sekolah Menengah Akademik 2003. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azizi Ahmad. 2004. Laporan Kajian Pentaksiran Kompetensi Pensijilan Modular MPV 2004. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. 2009. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis Dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Azizi Yahya. 1999. Keberkesanan Pelaksanaan Program Kemahiran Hidup Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia Berdasarkan Model Penilaian Konteks, Input, Proses Dan Produk. Tesis Dr. Fal. Universiti Pertanian Malaysia.
- Azizi Yayha 2004. Penggunaan Model Kipp Dalam Penilaian Matapelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia.

- Bahagian Kurikulum Teknikal Dan Vokasional. 2007. *Pembangunan Kurikulum Teknikal Dan Vokasional* (Cetakan Kedua). Putrajaya: Bahagian Latihan Dan Kemajuan Staf, Jabatan Pendidikan Teknikal : KPM.
- Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional. 2011. Analisa Keputusan SPM 2011 Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional. [Http://Www.Bptv.Edu.My/Web/Dmdocuments/Analisis%20Peperiksaan%20SPM%202011%20Peringkat%20BPTV.Pdf](http://www.bptv.edu.my/web/dmdocuments/Analisis%20Peperiksaan%20SPM%202011%20Peringkat%20BPTV.pdf) [17November 2012].
- Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional, KPM 2011. [Www.Moe.Gov.My/Bptv/](http://www.moe.gov.my/bptv/) [20 Oktober 2011]
- Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan* (Edisi Ketiga). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Baharuddin Jabar. 2006. *Perlaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Pengajaran Guru-Guru Sejarah: Satu Kajian Kes Di Daerah Hilir Perak*. Penyelidikan Terpilih UPSI. Tanjong Malim : Penerbit UPSI.
- Bailey, C.A. 1984. *A Guide To Field Research*. Thousand Oaks, CA: Pine Forge.
- Baird, J., Grotorex, J., & Bell, J. F. 2004. What Makes Marking Reliable? Experiments With UK Examinations. *Assessment In Education* 11(3): 331–348.
- Bateman, A. & Griffin, P. 2003. *The Appropriateness Of Professional Judgement To Determine Performance Rubrics In Graded Competency Based Assessment Framework*. Australia: The University Of Ballarat & The University Of Melbourne.
- Begum, M., & Farooqui, S. 2008. School Based Assessment: Will It Really Change The Education Scenario In Bangladesh?. *International Education Studies* 1(2), 45-53.
- Benjamin, L. C. 2001. Portfolio Assessment: Benefits, Issues Of Implementation, And Reflection On Its Use, Assessment Update. *Competencies For Analysis And Application*. Pearson Education International 13 (4).
- BERNAMA. 2014. Ucapan Bajet Tahun 2015.
- Biemans, H., Nieuwenhuis, L.R., Poell, M., Mulder, M. & Wesselink, R. 2004. Competency- Based VET In The Netherlands: Backgrounds And Pitfalls. *Journal Of Vocational Education And Training* 56 (4): 523 -538.
- Black, P., & Wiliam, D. 1998. Assessment And Classroom Learning. *Assessment In Education* 5 (1): 7 -73.
- Bloom, B. S. (1968). Learning for mastery. *Evaluation Comment*, 1(2).

- Block, J. H., & Burns, R. B. (1976). Mastery learning. In L. S., Shulman (Ed.), *Review of Research in Education* (Vol. 4, pp. 3–49). Itasca, IL: Peacock.
- Boahin, P. 2014. *Competency-Based Training (CBT) In Higher Education :Towards An Implementation In Ghanaian Polytechnics*. Print: Ipskamp Drukkers BV, Enschede, The Netherlands. Tesis Dr. Fal. University Of Leiden, Netherland.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. 2007. *Qualitative Research For Education: An Introduction To Theories And Methods*. Boston: Pearson, Allyn And Bacon.
- Bouma, G. 2000. *The Research Process*. Ed. Ke-4. Melbourne: OUP.
- Boyle, B. & Charles, M. 2009. Formative Assessment Of Teaching And Learning In Primary Schools. *International Journal Of Learners Diversity* 1 (1) : 17-34.
- Bransford, J. D., Brown, A.L., & Cocking, R.R. 2000. *How People Learn: Brain, Miind, Experience, And School*. Washington DC: National Academy Press.
- Brookhart S. M. 2004. Classroom Assessment: Tentions And Intersections In Theory And Practice. *Teachers Collage Record* 106: 429-458.
- Brookhart S. M. 2009. The Many Meanings Of ‘Multiple Measures’. *Educational Leadership* 67 (3): 6-12.
- Brookhart, S.M. 2008. Feedback That Fits. *Educational Leadership* 65(4): 54-59.
- Brown, G. T. L. 2004. Teachers’ Conceptions Of Assessment: Implications For Policy And Professional Development. *Assessment In Education* 11 (3): 301-318.
- Bud, J.W. 2004. Mind Maps As Classroom Exercise. *Journal Of Economics Education* 35 (1): 35-46.
- Çaliskan, Hüseyin, And Yasemin Kasikçi. 2010. The Application Of Traditional And Alternative Assessment And Evaluation Tools By Teachers In Social Studies. *Procedia - Social And Behavioral Sciences* 2 (2): 152-415
- Carden, F. And Alkin, M. 2012. Evaluation Roots: An International Perspective. *Journal Of Multidisciplinary Evaluation* 8 (17).
- Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu. 2012. School Based Assessment Among ESL Teachers In Malaysian Secondary Schools. Universiti Sains Malaysia. *Journal Of The Malaysian Education Dean's Council* 9: 1-18.
- Chan Yuen Fook, Gurnam Kaur Sidhu & Md. Rizal Md. Yunus. 2009. *School-Based Assessment: Enhancing Knowledge And Best Practices*. Shah Alam: UPENA, Uitm.

- Chappuis, S & Chappuis J. 2008. The Best Value In Formative Assessment. *Educational Leadership* 65(4): 14-19.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan Buku* Selangor: Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2008. *Asas Statistik : Analisis Data Ordinal Dan Skala*. Kuala Lumpur : Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
